



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
BILANGAN : IKLAN 17/03/20**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**


**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.**

**PEMBANTU JURURAWAT (M.4-5 EB.6)  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**1. PEMBANTU JURURAWAT  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
M.4-5 EB.6 (\$930 - \$1,850 SEBULAN)  
KEKOSONGAN= LIMA PULUH DUA (52)**


**BIDANG KEJURURAWATAN AM:**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. Sijil Pembantu Jururawat (Kejururawatan Am) atau Sijil Pembantu Jururawat (Perbidanan) atau sebanding dalam bidang bersesuaian yang diiktiraf oleh Kerajaan.
2. Memenuhi syarat-syarat kelayakan pendaftaran dengan Lembaga Jururawat bagi Brunei (*Nursing Board for Brunei*) atau mana-mana Lembaga yang diiktiraf oleh Kerajaan.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Melaksanakan tugas-tugas kejururawatan berdasarkan garis pandu dan tatacara perawatan.
2. Melaksanakan jagaan perawatan mengikut amalan perawatan yang teratur, selamat dan bersistemik bagi keselesaan dan kesejahteraan pesakit / klien.
3. Memberi nasihat dan tunjuk ajar kepada pesakit / klien serta keluarga mengenai jagaan perawatan dan pendidikan kesihatan.
4. Membuat pemerhatian ke atas pesakit / klien dan mencatit laporan dengan jelas dan betul ke dalam dokumen-dokumen yang tertentu.
5. Melapor kepada jururawat yang lebih kanan jika menghadapi masalah dalam bidang tugas.
6. Bekerjasama membantu kerja-kerja rakan sejawat.
7. Bekerjasama dengan pihak-pihak yang tertentu bagi memastikan pemeliharaan dan kebersihan di bahagian tempat bertugas dikendalikan dengan teratur dan memuaskan.



#### **Senarai semak sebelum memohon jawatan kosong dalam Bahagian IV**

Untuk mengelakkan permohonan awda ditolak, sila pastikan maklumat-maklumat berikut hendaklah lengkap dan di muat naik ke dalam Profil awda sebelum menekan butang 'Apply':

- Kad pengenalan dan Lesen Memandu.

|  | From (Years) | To (Years) | Date of Certificate | Upload File                        |
|--|--------------|------------|---------------------|------------------------------------|
|  | 2016         | 2016       | 25/8/2016           | <a href="#">Kad Pengenalan.pdf</a> |
|  | 2016         | 2016       | 25/8/2016           | <a href="#">Lesen Memandu.pdf</a>  |

- SIJIL-SIJIL** (sepertimana kehendak skim) serta **KELULUSAN TRANSCRIPT** dan **PENGESAHAN PENGIFTIRAFAN** kelulusan (MKPK) bagi kelulusan Institusi Pengajian Swasta dan Institusi dari luar negeri

|  | From (Years) | To (Years) | Date of Certificate | Upload File                             |
|--|--------------|------------|---------------------|---|
|  | 2016         | 2016       | 25/8/2016           | <a href="#">BGCE O LEVEL.pdf</a>        |
|  | 2016         | 2016       | 25/8/2016           | <a href="#">NTC2.pdf</a>                |
|  | 2016         | 2016       | 25/8/2016           | <a href="#">Skill Certificate 2.pdf</a> |
|  | 2016         | 2016       | 25/8/2016           | <a href="#">Skill Certificate 3.pdf</a> |

- Bagi pemohon yang memenuhi syarat pengalaman sahaja, memastikan mempunyai pengalaman sebagaimana kehendak skim.



- Bagi pemohon yang memenuhi syarat pengalaman sahaja pastikan di dalam profil awda terdapat ruangan "Current Government Employee". Jika sekiranya tidak ada, pemohon hendaklah memaklumkan kepada POC (Kementerian/Jabatan) dan seterusnya POC (Kementerian /Jabatan) akan memaklumkan kepada POC (SPA).

## My Profile

### Working Experience

#### Public and Ex-Government Employee



#### Current Government Employee



|  | Start Date | To Date    | Name And Address of Employer                                      |  |
|--|------------|------------|---|--|
|  | 01/02/2015 |            | PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM,<br>Prime Minister's Office |  |
|  | 01/02/2015 | 31/01/2016 | PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM,<br>Prime Minister's Office |  |
|  | 01/02/2014 | 31/01/2015 | PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM,<br>Prime Minister's Office |  |

#### Current Appointment

Starting Date

01/02/2012

Ministry

Prime Minister's Office

Department

PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM

Job Title

KERANI